

# 'Setiap keluarga Melayu seorang profesional'

BH-15/6/2007

**S**ERDANG: Kerajaan berhasrat untuk melihat setiap keluarga Melayu di kampung dapat melahirkan sekurang-kurangnya seorang doktor atau peguam melalui kempen 'Satu Rumah Satu Profesional', kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kempen itu adalah antara satu daripada strategi kerajaan meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu di luar bandar dan pihaknya berharap mereka menjadikan perkara itu sebagai antara matlamat keluarga.

Beliau berkata, untuk mencapai matlamat itu, kerajaan berharap masyarakat kampung dapat membantu memasti dan menggalakkan supaya setiap anak mereka menelaah pelajaran selama sekurang-kurangnya tiga jam sehari.

"Bila kita jadikan sasaran itu sebagai satu matlamat, kita kena bagi tumpuan bukan sekadar hantar anak ke sekolah... kita buat perubahan kedua-dua sekali, kita bagi tumpuan pada ulang kaji sehingga kita berjaya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan majlis penutupan dan penyampaian hadiah Pertandingan Ilham Desa Peringkat Kebangsaan 2007, di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Najib menyatakan harapannya supaya masyarakat luar bandar terutama orang Melayu berusaha melahirkan lebih ramai golongan profesional seperti doktor, peguam dan arkitek.

Memberi contoh, beliau berkata, ibu bapa dalam keluarga India umpamanya mensasarkan salah seorang anak mereka mesti menjadi doktor dan peguam.

Pada majlis itu, Najib menyampaikan hadiah kepada tiga kampung yang memenangi Pertandingan Ilham Desa 2007 anjuran kementerian termasuk Kampung Sinisian dari Kundasang, Sabah yang memenangi wang tunai RM50,000 bagi tempat pertama melalui projek kumpulan muzik tradisi berasaskan buluh.

Tempat kedua (RM40,000) dimenangi Kampung GDW Long Bedian, Baram, Sarawak dengan projek pelancongan Tenyok Rimba manakala tempat ketiga (RM30,000) oleh Kampung Peruas, Raub, Pahang dengan projek taman rekreasi.